


Ramos-Horta kunjungi Abdullah

UM-28/7/2006



ABDULLAH Ahmad Badawi semasa menerima kunjungan hormat Dr. Jose Ramos-Horta di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 27 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menerima kunjungan hormat rakan sejawatannya dari Timor Leste, Dr. Jose Ramos-Horta di pejabatnya di sini.

Turut menyambut ketibaan pemimpin asing itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Kedua-dua pemimpin kemudian mengadakan perbincangan lebih setengah jam.

Ramos-Horta diiringi oleh Menteri Hal Ehwal dan Kerjasama Luar Negara, Jose Luis Guterres. Anggota delegasi lain dalam lawatan singkat Ramos-Horta itu ialah anaknya, Loro Horta dan Ketua Kakitangan, Marcos da Costa.

Turut sama ialah, Duta Timor Leste ke Malaysia, Juvencio de Jesus Martins dan Pengarah Hal Ehwal Multilateral dan Rantau, Joao Freitas de Camara.

Ini adalah kunjungan kali pertama Ramos-Horta selepas dilantik sebagai Perdana Menteri baru pada 8 Julai lalu menggantikan Mari Alkatiri yang meletakkan jawatan ekoran tekanan rakyat.

Pelantikannya itu adalah sebagai satu langkah menamatkan ketidaktentuan politik yang berlarutan sejak beberapa bulan ekoran pemberontakan sebahagian daripada tentera kerajaan yang telah dipecat.

Malaysia memainkan peranan penting membantu mengembalikan keamanan negara baru merdeka itu apabila menghantar pasukan tentera di bawah misi disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bersama Australia, Portugal dan New Zealand.